

D.R. 20/2013

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 2013.

Pindaan seksyen 31A

2. Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam seksyen 31A dengan memasukkan selepas subseksyen (1A) subseksyen yang berikut:

“(1AA) Any biological sample collected for the purposes of an examination under this section may be analysed by a science officer employed by the Government.”.

Penomboran semula seksyen 37A

3. Akta ibu dipinda dengan menomborkan semula seksyen 37A yang sedia ada sebagai seksyen 37B.

Seksyen 37A baru

4. Akta ibu dipinda dengan memasukkan sebelum seksyen 37B sebagaimana yang dinomborkan semula seksyen yang berikut:

“Application of presumptions

37A. Notwithstanding anything under any written law or rule of law, a presumption may be applied under this Part in addition to or in conjunction with any other presumption provided under this Part or any other written law.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Dadah Berbahaya 1952 (“Akta 234”).

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baru (1AA) ke dalam seksyen 31A Akta 234 untuk mengadakan peruntukan bagi membenarkan seorang pegawai sains yang diambil kerja oleh Kerajaan untuk menganalisis apa-apa sampel biologi yang diambil bagi maksud pemeriksaan di bawah seksyen itu. Jika suatu kelas pegawai sains diisytiharkan melalui suatu pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta* di bawah subseksyen 399(2) Kanun Tatacara Jenayah sebagai suatu kelas orang yang baginya subseksyen 399(1) Kanun yang sama terpakai, suatu dokumen yang dikatakan laporan yang dibuat oleh pegawai sains itu boleh diberikan sebagai keterangan dalam perbicaraan suatu kesalahan di bawah Akta 234.
4. *Fasal 3* bertujuan untuk menomborkan semula seksyen 37A yang sedia ada sebagai seksyen 37B.
5. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan seksyen 37A baru ke dalam Akta 234 untuk membenarkan pihak Pendakwa Raya untuk mengguna pakai suatu anggapan yang diperuntukkan di bawah Akta 234 sebagai tambahan kepada atau bersama-sama dengan apa-apa anggapan yang lain yang diperuntukkan di bawah Akta 234 atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.